

15 AUG 2003

Norian-JI

RISIKAN MALAYSIA BANTU PENAHANAN HAMBALI

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Penangkapan ketua operasi Jemaah Islamiyah (JI), Hambali di Thailand dua hari lepas adalah hasil perkongsian risikan antara polis Malaysia dengan pasukan keselamatan negara-negara jiran.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai bagaimanapun enggan mendedahkan maklumat risikan itu yang berjaya menangkap Hambali.

"Agensi risikan dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura kini bekerjasama untuk mewujudkan keamanan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada graduan Diploma Sains Kepolisan sesi 2002/2003 di sini hari ini.

Norian berkata polis Malaysia akan meminta kerjasama isteri Hambali yang kini berada di Thailand bagi menyiasat kegiatan yang dilakukan oleh suaminya dalam JI.

Seramai 45 pegawai, termasuk masing-masing dua pegawai dari Badan Pencegah Rasuah dan Angkatan Tentera dan masing-masing seorang pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia dan pegawai polis dari Brunei, menerima sijil pada majlis itu.

Norian berkata polis berminat dengan maklumat yang bakal diperoleh daripada isteri Hambali memandangkan wanita itu merupakan rakyat Malaysia.

Beliau juga mengesahkan Hambali pernah berada di Malaysia untuk menjalankan kegiatannya.

Beliau juga yakin polis telah berjaya melumpuhkan infrastruktur dan menangkap orang-orang penting JI.

Hambali yang juga dikenal sebagai Riduan Isamuddin dipertanggungjawabkan dengan serangan bom di Bali pada 12 Okt tahun lepas.

Sementara itu, Norian turut ditanya mengenai tindakan polis terhadap kumpulan tonto yang kini semakin berani mencabar pihak berkuasa berikutan serangan ke atas beberapa pegawai Majlis Perbandaran Petaling Jaya kelmarin.

Menurutnya polis memandang serius perbuatan tonto yang sering mengekori perjalanan anggota dan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan.

"Setakat mengekori, kita tidak boleh buat apa kecuali jika mereka mempunyai niat yang tidak baik," katanya.

Norian berkata masalah ini bukan perkara baru dan beliau telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan polis di peringkat kontinjen mengenai masalah ini beberapa bulan lepas.

Sementara itu di Ezulwini, Swaziland, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditanya mengenai penahanan Hambali dan sama ada beliau gembira kerana ia dilakukan dengan bantuan risikan Malaysia, berkata:

"Saya perlu dapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkara itu kerana saya tidak mengetahuinya dan belum menerima maklumat terperinci mengenainya (penahanan Hambali)."

"Saya belum sedia untuk membuat sebarang ulasan," katanya kepada pemberita selepas menemui Presiden Sudan Lt Jen Omar Hassan Ahmad Al-Bashir pada acara sampingan Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar 2003 di sini.

Menjawab soalan lain mengenai sejauh mana aktifnya Malaysia mengesan Hambali, beliau berkata: "Saya tidak tahu, saya perlu dapatkan maklumat daripada mereka yang menguruskannya."

-- BERNAMA

MR AZZ LAT

